PBD 总结式课堂评估 PENTAKSIRAN SUMATIF

TERAJU 领先

Berdasarkan **Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)**

# 模拟评估 KERTAS MODEL

**Ujian Akhir Sesi Akademik**

## 国文 Bahasa Melayu

**Tahun 5**



**4 + 1 set kertas model**

- 4 set kertas model yang ditulis mengikut urutan tema buku teks
- 1 set kertas model merangkumi semua tema buku teks

Rosnani Majid

PERCUMA

1 set Kertas Model UASA Digital
https://bit.ly/3CL0I00

Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) yang boleh diedit disediakan.
https://bit.ly/3AQtBaz

Nama ______ Kelas ______ Sekolah ______

CS CamScanner
LIVEWORKSHEETS

Nama: ______ Kelas: ______ Tarikh: ______

# Kertas Model 2



**BAHASA MELAYU [011]** **Satu jam lima belas minit**

1. *Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.*
2. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan.*

## Bahagian A
[10 *markah*]

**Soalan 1 dan 2**
*Pilih jawapan yang* **paling sesuai.**

**1** Sebagai murid, kita hendaklah sentiasa ________ sikap integriti ketika berada di sekolah.

**A** amalan
**B** beramal
**C** diamalkan
**D** mengamalkan

Morfologi | Aras R

**TIP**

**Cara menjawab soalan**
Teliti penggunaan kata berimbuhan yang paling sesuai berdasarkan konteks ayat yang diberikan.

**2** Veeran merupakan seorang pengawas sekolah yang menjalankan tugas dengan penuh ________.

**A** sukarela
**B** kakitangan
**C** jawatankuasa
**D** tanggungjawab

Morfologi | Aras R

**Soalan 3**
*Pilih ayat yang* **betul.**

**3** **A** Murid-murid sedang melakukan uji kaji itu pada minggu lepas.
**B** Perbuatan berlari-lari di dalam bilik sains mestilah kita hindari.
**C** Kita ingin senyap dan bersikap sopan semasa berada di bilik sains.
**D** Kita pernah ditimpa kemalangan jika tidak berhati-hati di jalan raya.

Sintaksis | Aras S



LIVEWORKSHEETS

## Soalan 4 hingga 6

*Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

> Para pendengar sekalian,
>
> Kecuaian sikap pemandu kenderaan merupakan punca berlakunya kemalangan jalan raya. Kita sering melihat pemandu menggunakan telefon bimbit ketika memandu kenderaan. Perbuatan tersebut menyebabkan mereka tidak fokus terhadap pemanduan. Akibatnya, mereka tidak menyedari kehadiran kenderaan lain di jalan raya.
>
> Oleh itu, pemandu kenderaan perlulah mengamalkan pemanduan yang berhemah ketika berada di jalan raya. Elakkan penggunaan telefon bimbit atau gajet yang lain ketika sedang memandu. Dengan cara itu, kemalangan jalan raya dapat dielakkan dan dikurangkan.

**TIP**

Ayat ini menunjukkan bahawa kecuaian sikap pemandu kenderaan merupakan punca yang menyebabkan kemalangan jalan raya.

**4** Apakah punca yang menyebabkan kemalangan jalan raya?

**A** Kerosakan kenderaan
**B** Kecuaian sikap pemandu
**C** Penggunaan telefon bimbit
**D** Pemanduan tidak berhemah

Memahami | Aras R

**5** Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

**A** Pemandu kenderaan fokus terhadap pemanduan mereka.
**B** Pemandu kenderaan memandu secara berbahaya di jalan raya.
**C** Penggunaan telefon bimbit semasa memandu hendaklah dielakkan.
**D** Kemalangan jalan raya hanya berlaku terhadap pemandu kenderaan.

Mengaplikasi | Aras S

**6** Yang berikut ialah langkah yang dapat dilakukan oleh pemandu kenderaan untuk mengelakkan kemalangan jalan raya berdasarkan petikan *kecuali*

**A** fokus terhadap pemanduan.
**B** tidak bersikap cuai semasa memandu.
**C** memastikan tiada kenderaan lain di jalan raya.
**D** tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

Menganalisis | Aras T



LIVEWORKSHEETS

**Soalan 7 hingga 10**

*Baca maklumat dalam* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**BAHAN 1**

Siew Lai dan keluarganya akan pulang ke kampung sempena cuti sekolah. Mereka mahu menziarahi datuk dan nenek Siew Lai di kampung. Sebelum pulang ke kampung, ayah Siew Lai telah menghubungi pihak polis untuk memaklumkan ketiadaan mereka di rumah.

Ibu Siew Lai juga memberitahu jiran di sebelah rumahnya, iaitu Puan Anis tentang ketiadaan mereka. Ibu Siew Lai meminta bantuan jirannya itu untuk mengawasi rumahnya. Sebelum mereka bertolak, ibu Siew Lai memeriksa semua pintu dan tingkap agar telah dikunci. Kemudian, ibu Siew Lai *menghidupkan* lampu garaj. Selepas itu, ibu Siew Lai menyerahkan kunci rumah dan kunci pagar kepada Puan Anis.

**BAHAN 2**



**7** Siew Lai dan keluarganya akan pulang ke kampung

**A** kerana pergi bercuti.
**B** pada hujung minggu.
**C** untuk menziarahi datuk dan neneknya.
**D** supaya jirannya mengawasi rumahnya.

Memahami | Aras R

**8** | Selepas itu, ibu Siew Lai menyerahkan kunci rumah dan kunci pagar kepada Puan Anis. |
|---|

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris dalam ayat di atas ialah

**A** biji.
**B** gugus.
**C** bentuk.
**D** tangkai.

Penjodoh Bilangan | Aras R

**TIP**

**Cara menjawab soalan**

1. Baca ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti kehendak soalan. Soalan tersebut meminta kamu memilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris.

**9** Perkataan *menghidupkan* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

**A** menutup.
**B** membuka.
**C** meletakkan.
**D** memasukkan.

Memahami | Aras S

**10** Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

**A** Keluarga Siew Lai akan pergi bercuti pada cuti sekolah.
**B** Puan Anis menyerahkan kunci rumahnya kepada ibu Siew Lai.
**C** Ayah Siew Lai menghubungi pihak polis untuk memaklumkan kepulangan mereka.
**D** Puan Anis akan membantu untuk mengawasi rumah Siew Lai semasa ketiadaan mereka di rumah.

Menganalisis | Aras T



LIVEWORKSHEETS CamScanner

## Bahagian B
[10 *markah*]

**Soalan 1**

*Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Chan Meng bersekolah di sekolah Chong Hwa. Dia pengawas sekolah. Dia merupakan antara murid yang terawal sampai di sekolah.

Ketika sedang bertugas di pintu pagar sekolah, Chan Meng akan mengucapkan selamat pagi kepada murid-murid dan guru yang sampai dengan senyuman. Chan Meng tidak pilih kasih dengan menulis nama murid yang datang lewat walaupun kawan baiknya sendiri.

Semasa bertugas di kantin pula, Chan Meng akan menegur sikap murid-murid tahun satu yang suka berlari-lari. "Adik-adik, berlari di sini berbahaya," nasihat Chan Meng kepada mereka.

Di dalam kelas, Chan Meng sentiasa menantikan kehadiran guru. Dia suka mendengar tutur kata dan nasihat daripada guru semasa guru sedang mengajar. Kata-kata azimat daripada mereka menaikkan semangatnya untuk belajar.

Chan Meng bersyukur kerana sikap integriti tersemai di dalam jiwanya.

**TIP**
Ayat ini menunjukkan bahawa Chan Meng ialah pengawas sekolah.

**1** (a) Chan Meng ialah ________________________.

Memahami Aras R [1 *markah*]

(b) Mengapakah Chan Meng menegur sikap murid-murid tahun satu yang berlari-lari di kantin?

Chan Meng menegur sikap murid-murid tahun satu yang berlari-lari di kantin kerana

________________________

________________________

________________________

________________________

Mengaplikasi Aras R [2 *markah*]



LIVEWORKSHEETS

(c) *Gariskan* **satu kata majmuk** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

| |
|---|
| Chan Meng tidak pilih kasih dengan menulis nama murid yang datang lewat walaupun kawan baiknya sendiri. |

Morfologi Aras S [1 *markah*]

(d) *Pilih dan tandakan* (✓) *bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

"Adik-adik, berlari di sini berbahaya," nasihat Chan Meng kepada mereka.

| | |
|---|---|
| Chan Meng menegur sikap adik-adik yang berlari di situ kerana berbahaya. | |
| Adik-adik menegur sikap Chan Meng yang berlari di situ kerana berbahaya. | |

Sintaksis Aras T [1 *markah*]

**TIP**

**Cara menjawab soalan**

1. Fahami ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti ayat yang membawa maksud yang sama dengan ayat yang diberikan.

kata majmuk

mantap 固定

matahari

setiausaha 秘书

bebas

guru besar

bangku kayu

kiasan

成语



CamScanner
LIVEWORKSHEETS

## Soalan 2

*Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.*

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

| |
|---|
| Anisa dan Herseen hendak pergi ke perpustakaan sekolah. Perpustakaan itu terletak di tingkat dua. Ketika sedang menaiki tangga, tiba-tiba Herseen terjatuh akibat tersepak anak tangga. Lutut Herseen luka dan berdarah. |

**2** Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh Anisa? KBAT

Berdasarkan situasi di atas, Anisa perlu segera ____________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

Menganalisis Aras T [5 *markah*]

**TIP**

**Cara menjawab soalan**
1. Baca dan fahami situasi yang diberikan.
2. Soalan tersebut meminta kamu memberikan pendapat berdasarkan situasi yang diberikan.



LIVEWORKSHEETS CamScanner

## Bahagian C
[10 *markah*]

*Grafik di bawah ini tentang keselamatan di padang sekolah.*

*Tulis pendapat kamu tentang* **langkah-langkah keselamatan di padang sekolah.**

*Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam* **satu perenggan.**

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 50 patah perkataan.** KBAT

Perenggan: Menganalisis | Aras T

i-Think




**TIP**

**Cara menjawab soalan**
1. Baca dan fahami arahan soalan.
2. Kenal pasti kata kunci dalam arahan soalan.
3. Berdasarkan arahan soalan tersebut, kamu perlu menulis pendapat tentang langkah-langkah keselamatan di padang sekolah.



CamScanner
LIVEWORKSHEETS

## Bahagian D
[20 *markah*]

*Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk* **karangan berformat atau tidak berformat**. *Panjangnya karangan kamu hendaklah* **antara 50 hingga 80 patah perkataan.** KBAT

Karangan: Mencipta | Aras T

### KEMALANGAN JALAN RAYA




**1** Tulis cerita berdasarkan gambar di atas.

**ATAU**

**2** Tulis sepucuk surat kepada rakan untuk menceritakan peristiwa di atas.



LIVEWORKSHEETS

Kumarendran Sathiavasam,
7, Lorong Kenangan Indah 1,
Taman Kenangan Indah,
47810 Gombak,
Selangor.

2 Julai 2025.

Ke hadapan sahabatku, Saudara Jun Wei di Pulau Pinang. Saya berharap semoga saudara sihat-sihat sahaja di sana.

Saudara,

© *The Malaya Press Sdn. Bhd.* 195901000026 (3379-P)



CamScanner
LIVEWORKSHEETS